

D470

R B500 AAB  
MAHATHIR - BN

I

KUALA LUMPUR, 16 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA, KESEIMBANGAN ANTARA KEHARMONIAN KAUM DAN EKONOMI MERUPAKAN KUNCI KE ARAH KEMAJUAN YANG BERTERUSAN DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA RAKYAT MALAYSIA HARUS BERTERIMA KASIH KERANA NEGARA INI YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM TELAH MELIHAT PEMBANGUNAN YANG SEIMBANG DI KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR.

+KESEMUA INI DAPAT DILAKUKAN MENERUSI KERJASAMA YANG RAPAT ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN DALAM BARISAN NASIONAL,+ KATANYA.

KETIKA BERUCAP PADA JAMUAN MALAM ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN CINA BERSEKUTU (ACCCIM) DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MCA DAN UMNO SALING BERGANTUNG KEPADA SATU SAMA LAIN UNTUK MENDAPATKAN KEMENANGAN PADA PILIHAN RAYA UMUM YANG LEPAS.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI CINA DALAM KOMPONEN BN, TERMASUK PRESIDEN MCA, DATUK SERI DR LING LIONG SIK, PRESIDEN GERAKAN, DATUK SERI DR LIM KENG YAIK DAN PRESIDEN SUPP, DATUK AMAR STEPHEN YONG. -- LAGI.

0009MST 17 07 90

D473

R B501 AAB  
MAHATHIR - BN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEBAGAI NEGARA YANG TERDIRI DARIPADA BERBILANG KAUM, MALAYSIA BUKANLAH MILIK KAUM TERTENTU SAHAJA DAN SEBARANG KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN PERLU MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN SEMUA KAUM.

+SEBAGAI CONTOH, PAS HIDUP DALAM DUNIANYA SENDIRI SEOLAH-OLAH TIDAK ADA ORANG LAIN YANG DUDUK DI NEGARA INI,+ KATANYA MENGENAI PARTI YANG MEMPERJUANGKAN HANYA HAK-HAK PARA PENYOKONGNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PERLU MEMENANGI SOKONGAN MAJORITI DUA PERTIGA PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG UNTUK MENDAPAT PENGHORMATAN RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN BERADA DI BAWAH TEKANAN DARIPADA SESETENGAH KUMPULAN MENJELANG PILIHAN RAYA DAN MEREKA MEMBUAT BANYAK PERMINTAAN DARIPADA KERAJAAN.

SEBAGAI KERAJAAN, KATANYA, IA TIDAK BOLEH MELAYANI SEMUA TEKANAN ITU KERANA IA TIDAK BOLEH MEMUASKAN SEMUA PIHAK. -- LAGI.

0022MST 17 07 90

D474

R B502 AAB  
MAHATHIR - BN 3 KUALA LUMPUR

TERDAPAT JUGA PERMINTAAN UNTUK MENGETEPIKAN BAHASA KEBANGSAAN TANPA MENYEDARI BAHAWA IA BOLEH MENIMBULKAN KEMARAHAAN ORANG-ORANG MELAYU DAN KEMUNGKINAN GOLONGAN PELAMPAU AKAN MEYOKONGNYA.

MENGENAI MAKALAH DAP, +THE ROCKET+, KATANYA TERBITAN ITU MEMBUAT BANYAK KRITIKAN YANG TIDAK BERASAS TERHADAP KERAJAAN.

TERDAHULU ITU, PRESIDEN ACCIM TAN SRI WEE BOON PING BERKATA, PERSATUAN ITU MENGAMBIL BERAT TERHADAP PEREBUTAN PUCUK PIMPINAN MCA DAN BELIAU MERAYU KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI SUPAYA BERUSAHA MENCARI PENYELESAIAN.

BELIAU BERKATA PENYELESAIAN SECARA BAIK SUDAH PASTI MEMBERI FAEDAH KEPADA MASYARAKAT CINA DAN NEGARA. -- BERNAMA.